

Maklumat Komoditi : Sawi

Penyediaan Tanah

PENYEDIAAN TANAH

1. Pengenalan Umum:

Bagi Tanaman Ulangan :

Rumpai dan bekas sayur daripada tanaman awal diracun dengan glufosinateammonium pada kadar 0.5 kg/ha. Ground Magnesium Limestone (GML) ditabur pada kadar 3-5 tan/ha jika perlu, berpandu kepada PH tanah. Batas atau kawasan diputar dengan menggunakan alat rotovator dan batas diperbaiki atau disediakan mengikut saiz, 12 m lebar dan 20-30 cm tinggi. Panjang batas mengikut luas kawasan tanaman. Bahan organik iaitu tahi ayam ditabur di atas batas pada kadar 3-5 tan/ha.

Kos penyediaan tanah berubah mengikut kawasan dan keadaan kawasan penanaman.